

Bab ini menunjukkan satu perbandingan data siri masa beberapa petunjuk sosio-ekonomi yang memaparkan perkembangan dalam kualiti hidup dan kesejahteraan penduduk.


Petunjuk-petunjuk ini mencakupi beberapa bidang di antaranya pembasmian kemiskinan, kemudahan asas sosial seperti perumahan, kesihatan, pendidikan, telekomunikasi, perpustakaan, liputan bekalan air dan elektrik, pencemaran alam sekitar dan juga penyakit sosial. Bagi petunjuk penyakit sosial, data-data perbandingan disediakan mengikut negeri.

Huraian ringkas mengenai arah aliran petunjuk-petunjuk tersebut turut disediakan.

Kadar Kemiskinan (Warganegara Malaysia sahaja)

Carta 10.1

Kadar Kemiskinan dan Bilangan Isi rumah Miskin



Sumber : Unit Perancang Ekonomi

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia telah berkurangan daripada 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.9% pada tahun 1995. Selaras dengan itu, bilangan isi rumah miskin turut berkurangan daripada 574,500 kepada 370,200. Kemajuan dalam pembasmian kemiskinan telah dapat dicapai hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang meningkatkan peluang pekerjaan untuk rakyat serta pelaksanaan pelbagai program dan projek kerajaan yang ditujukan untuk isi rumah luar bandar dan yang terlibat dengan pertanian.


Di kawasan luar bandar, kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia menurun daripada 21.1% dalam tahun 1990 kepada 15.3% pada tahun 1995. Sementara itu, di kawasan bandar kadar kemiskinan telah berkurangan daripada 7.1% kepada 3.7%.

Usaha-usaha untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan golongan termiskin dalam tempoh rancangan tersebut telah menyebabkan penurunan kadar kemiskinan daripada 3.9% pada tahun 1990 kepada 2.1% pada tahun 1995. Bilangan isi rumah termiskin berkurangan daripada 137,100 kepada 88,400.

Kesihatan

Carta 10.2


Kadar Kelahiran Kasar, Kadar Kematian Kasar dan Kadar Mortaliti Bayi



Sumber : Kementerian Kesihatan

Carta 10.3

Bilangan Doktor Yang Berdaftar dan Nisbah Doktor-Penduduk




Sumber : Kementerian Kesihatan

Perlaksanaan pelbagai program dan projek kesihatan oleh Kerajaan telah menghasilkan peningkatan secara keseluruhan taraf kesihatan penduduk. Ini dapat dilihat melalui petunjuk-petunjuk kesihatan seperti kadar kelahiran kasar, kadar kematian kasar dan kadar mortaliti bayi yang lebih baik. Pada tahun 1990, kadar kelahiran kasar ialah 28.4 bagi setiap 1,000 penduduk dan ini menyusut kepada 26.1 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 1996. Bagaimanapun, kadar kematian kasar bagi setiap 1,000 penduduk bertambah baik dari 4.7 pada tahun 1990 kepada 4.4 pada tahun 1996. Peralatan yang lebih baik serta kemudahan penjagaan kesihatan bayi telah menjurus kepada kadar mortaliti bayi yang lebih baik iaitu 9.8 bagi setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1996 berbanding 13.1 bagi setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1990. Pencapaian ini adalah menghampiri taraf yang dicapai oleh negara maju.

Taraf penjagaan kesihatan adalah bergantung kepada bekalan kakitangan kesihatan yang mampu disediakan terutamanya doktor. Sepanjang tempoh 1990 sehingga 1996, bilangan doktor yang berdaftar meningkat sebanyak 45% iaitu 7,012 doktor pada tahun 1990 kepada 10,120 pada tahun 1996 hasil daripada peningkatan nisbah doktor-penduduk daripada 1:2,533 pada tahun 1990 kepada 1:2,056 pada tahun 1996. Sasaran di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh adalah mencapai nisbah 1 doktor bagi setiap 1,500 penduduk menjelang tahun 2000 dan untuk mencapai hasrat tersebut sejumlah 1,200 doktor tambahan diperlukan pada setiap tahun.

Carta 10.4


Bilangan Hospital Kerajaan, Klinik dan Katil



Sumber : Kementerian Kesihatan

Carta 10.5

Bilangan Hospital Swasta, Rumah Perawatan dan Bersalin serta Katil



Sumber : Kementerian Kesihatan


Penyediaan dan perkembangan kemudahan rawatan kesihatan seperti hospital dan klinik kerajaan telah dapat menyediakan penjagaan kesihatan yang lebih baik kepada masyarakat. Sepanjang tempoh 1990 sehingga 1996, bilangan hospital meningkat daripada 102 kepada 118. Pembinaan hospital baru dan gantian telah dapat mengurangkan kesesakan di hospital yang sedia ada di samping menyediakan kemudahan di tempat yang baru. Bilangan katil meningkat sedikit sahaja daripada 33,400 pada tahun 1990 kepada 33,818 pada tahun 1996 disebabkan pengagihan semula katil daripada hospital yang sedia ada yang mengalami kesesakan. Bilangan klinik kerajaan meningkat daripada 2,732 pada tahun 1990 kepada 2,875 pada tahun 1996. Ini termasuklah Pusat Kesihatan, Poliklinik, Klinik Satelit, Dispensari Statik, Klinik Desa, Klinik Bidan serta Klinik Kesihatan Ibu dan Anak. Tahap kesihatan di kalangan penduduk pada keseluruhannya bertambah baik yang jelas dilihat daripada peningkatan jangka hayat serta pengurangan kadar kematian.

Sektor swasta turut memainkan peranan yang aktif dalam melengkapkan perkhidmatan kesihatan awam sepanjang tempoh 1990 sehingga 1996. Pada tahun 1990 bilangan hospital swasta, rumah perawatan dan bersalin telah bertambah daripada 174 kepada 203 pada tahun 1996 iaitu peningkatan kira-kira 17%.

Peningkatan bilangan katil di hospital swasta adalah lebih besar iaitu sebanyak 60%. Pada tahun 1996, bilangan katil di hospital swasta mewakili 18.1% daripada jumlah katil seluruh hospital di negara ini. Bagaimanapun, kebanyakan kemudahan sektor swasta tersebut terdapat di kawasan bandar.

Pendidikan

Carta 10.6
Bilangan Sekolah Bantuan Kerajaan dan Institusi Pendidikan Tinggi




Sumber : Kementerian Pendidikan

Dalam tempoh 1990 sehingga 1996, teras pendidikan adalah untuk meningkatkan keupayaan pendidikan di semua peringkat. Bilangan sekolah rendah meningkat daripada 6,825 unit pada tahun 1990 kepada 7,084 pada tahun 1996, yang menunjukkan peningkatan hampir 4%. Bagaimanapun, bilangan sekolah menengah meningkat pada kadar yang lebih tinggi iaitu 16% dengan 1,538 buah sekolah pada tahun 1996 berbanding 1327 pada tahun 1990.

Sebagai memenuhi keperluan tenaga manusia bagi sesebuah ekonomi yang berkembang pesat, pelbagai usaha dibuat untuk mengembangkan kemudahan fizikal di institusi pendidikan tinggi awam yang sedia ada. Dua buah universiti iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah dibina masing-masing pada tahun 1992 dan 1994. Bagaimanapun, pada tahun 1994 Politeknik Batu Pahat telah ditutup dan para pelajar telah dipindahkan ke lain-lain Politeknik yang sedia ada.

Carta 10.7

Enrolmen Di Sekolah Bantuan Kerajaan dan Institusi Pendidikan Tinggi, Nisbah guru-murid serta Bilangan Pelajar (Ijazah Pertama) Mengikut Jenis Aliran Kursus



Sumber : Kementerian Pendidikan


Bilangan enrolmen pelajar di sekolah rendah bantuan kerajaan meningkat sebanyak 16.6% daripada 2.4 juta pada tahun 1990 kepada 2.8 juta pada tahun 1996, dengan pendidikan rendah universal dikekalkan sepanjang tempoh tersebut. Langkah-langkah untuk meningkatkan penyertaan kanak-kanak luar bandar dan mengekalkan mereka dalam sistem pendidikan termasuk menyediakan kemudahan asrama, bantuan kewangan, pinjaman buku teks serta program kesihatan dan pemakanan menyebabkan peningkatan kadar enrolmen di sekolah rendah.

Bagi sekolah menengah, kadar enrolmen meningkat kepada 27.7% daripada 1.37 juta pada tahun 1990 kepada 1.75 juta pada tahun 1996 dengan penekanan diberikan bagi menambahkan kemudahan, meningkatkan penyertaan dan mengurangkan kadar keciciran. Dalam tempoh 1990 sehingga 1995, keseluruhan enrolmen bagi pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan tinggi meningkat daripada 101,457 pada tahun 1990 kepada 164,705 pada tahun 1995, iaitu peningkatan 62.3%. Keseluruhan enrolmen bagi kursus-kursus berasaskan sains pada peringkat ijazah pertama di institusi pendidikan tinggi meningkat daripada 12,477 pada tahun 1990 kepada 15,025 pada tahun 1995, satu peningkatan sebanyak 20.4%. Sementara itu, dalam tempoh yang sama pelajar kursus aliran sastera bertambah sebanyak 54.5%.

Pada tahun 1990, nisbah guru-murid di sekolah rendah bantuan kerajaan ialah 1:20 murid sementara di sekolah menengah bantuan kerajaan ialah 1:19 murid. Pada tahun 1996, nisbah sekolah rendah bertambah baik iaitu 1:19 murid sementara itu bagi sekolah menengah nisbah guru-muridnya tidak berubah.


Perpustakaan Awam

Carta 10.8
Bilangan Perpustakaan Awam dan Bahan Perpustakaan



Sumber : Perpustakaan Negara

Carta 10.9
Keahlian di Perpustakaan Awam



Sumber : Perpustakaan Negara

Perkembangan rangkaian perpustakaan awam di seluruh Malaysia sepanjang tempoh 1990 sehingga 1996 menunjukkan kesungguhan pihak kerajaan untuk membentuk masyarakat yang bermaklumat dan berilmu. Pada tahun 1996, bilangan perpustakaan awam adalah 475, menunjukkan peningkatan hampir 3 kali ganda daripada tahun 1990. Pada tahun 1990, perpustakaan bergerak merupakan 34% daripada jumlah bilangan perpustakaan. Bagaimanapun, pada tahun 1996, peratusan perpustakaan bergerak menurun kepada 19% sementara perpustakaan tetap meningkat daripada 65.7% pada tahun 1990 kepada 80.6% pada tahun 1996.


Jumlah koleksi perpustakaan awam bertambah lebih 2 kali ganda iaitu daripada 5.3 juta pada tahun 1990 kepada 11.3 juta pada tahun 1996. Penubuhan rangkaian infrastruktur maklumat bagi Perpustakaan Negara di bawah Program Jaringan Ilmu memudahkan pengguna memperoleh berbagai penerbitan dengan lebih meluas.

Keahlian perpustakaan awam bertambah daripada 1.1 juta pada tahun 1990 kepada 2.0 juta pada tahun 1996 iaitu peningkatan sebanyak 82%. Perpustakaan Negara yang siap di bina sepenuhnya pada tahun 1997 di samping pertambahan jumlah koleksi dan bahan perpustakaan telah menarik lebih ramai ahli. Keahlian kanak-kanak meningkat lebih 2 kali ganda sepanjang tempoh 1990 sehingga 1996 iaitu daripada 348,381 kepada 1,141,522. Bagi tempoh yang sama, keahlian dewasa turut meningkat sebanyak 16%. Keahlian dewasa pada tahun 1990 merupakan 68.6% daripada keseluruhan keahlian dan menurun kepada 43.7% pada tahun 1996.

Didapati bahawa, perpustakaan tetap dapat menarik lebih ramai ahli (59%) jika dibandingkan dengan perpustakaan bergerak (41%) pada tahun 1990. Pada tahun 1996, peratusannya adalah 63% bagi perpustakaan tetap dan 37% bagi perpustakaan bergerak.


Perumahan

Carta 10.10
Taburan Unit Rumah Mengikut Kategori Kos



Sumber : Jabatan Perumahan Negara

Carta 10.11
Peratusan Taburan Unit Rumah Mengikut Sektor Pada Tahun 1995




Sumber : Jabatan Perumahan Negara

Secara keseluruhan pencapaian pembinaan unit-unit rumah sepanjang tempoh 1990 sehingga 1995 adalah amat memberangsangkan. Sejumlah 764,497 unit telah siap dibina dengan 85% dibina oleh sektor swasta. Mengenai rumah kos sederhana dan kos tinggi sejumlah 347,619 unit telah dibina sejajar dengan permintaan bagi rumah berkenaan yang berpunca daripada peningkatan pendapatan. Berhubung dengan penyediaan rumah kos rendah sebanyak 416,878 siap dibina dan hampir 83% daripadanya adalah dibina oleh sektor swasta. Pencapaian rendah oleh sektor awam berpunca daripada masalah ketidaksesuaian tapak berikutan persaingan daripada permintaan untuk tapak bagi kegunaan lain.

Pada tahun 1995, sejumlah 134,408 unit rumah siap dibina. Daripada jumlah tersebut, 106,019 unit atau 79% dibina oleh sektor swasta sementara sektor awam bertanggungjawab membina 28,389 unit. Pada tahun 1995 hampir 94% daripada unit-unit tersebut dibina di Semenanjung Malaysia, sementara Sabah mencatatkan 3.4% dan Sarawak 2.2%. Ini ekoran daripada perbezaan pengagihan di kalangan penduduk serta perbezaan tahap pendapatan.

Kemudahan Awam

Carta 10.12
Liputan Bekalan Air dan Elektrik



Sumber : Unit Perancang Ekonomi

Liputan bekalan air seluruh negara telah meningkat 78.4% daripada jumlah penduduk pada tahun 1990 kepada 89% pada tahun 1996. Pada tahun 1996 hampir 99% daripada penduduk bandar dibekalkan dengan air yang selamat diminum berbanding 95% pada tahun 1990. Liputan bekalan air luar bandar bagi seluruh Malaysia meningkat daripada 66% pada tahun 1990 kepada 77% pada tahun 1996. Bagaimanapun, kawasan luar bandar di beberapa negeri seperti Kelantan, Sabah, Sarawak dan Terengganu masih berada di bawah tahap liputan bekalan air luar bandar seluruh negara.


Dalam tempoh 1990 sehingga 1996, liputan bekalan elektrik di seluruh negara meningkat daripada 88.7% pada tahun 1990 kepada 95.8% pada tahun 1996. Liputan bekalan elektrik di bandar bertambah daripada 97% pada tahun 1990 kepada 99% pada tahun 1996 sementara liputan bekalan elektrik luar bandar meningkat kepada 93% pada tahun 1996 daripada 80% pada tahun 1990.

Carta 10.13

Bilangan Pelanggan Telefon Mengikut Sektor, Bilangan Telefon Setiap 100 Penduduk dan Bilangan Aduan Bagi Setiap 1000 Talian.

Pelanggan telefon

Bagi setiap 100 penduduk dan aduan bagi setiap 1000 talian




Sumber : Telekom Malaysia Berhad

Sejajar dengan perkembangan teknologi, permintaan terhadap perkhidmatan telekomunikasi bertambah sepanjang tempoh 1991 sehingga 1996. Bilangan keseluruhan pelanggan meningkat hampir 86% dengan langganan daripada sektor kediaman meningkat daripada 71.5% pada tahun 1991 kepada 72.6% pada tahun 1996, sementara bagi sektor perniagaan ia berkurangan daripada 28.5% kepada 27.4%. Kadar penetrasi negara meningkat daripada 9.9 talian terus itu sawat bagi setiap 1,000 orang penduduk pada tahun 1991 kepada 18.4 talian pada tahun 1996.

Penyediaan beberapa jenis perkhidmatan baru dan canggih serta pengenalan langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan telah menjurus kepada berkurangnya jumlah aduan yang diterima bagi setiap 1,000 talian dalam tempoh 1991 sehingga 1996 iaitu daripada 14.7 pada tahun 1991 kepada 6.8 pada tahun 1996.

Pencemaran Alam Sekitar

Carta 10.14
Indeks Kualiti Air Sungai




Sumber : Jabatan Alam Sekitar

Kualiti air sungai yang berdasarkan Indeks Kualiti Air menampakkan sedikit penurunan sepanjang tempoh 1990 sehingga 1995. Daripada 87 sungai yang diawasi pada tahun 1990, 43 (49.4%) didapati bersih, 38 sedikit tercemar (43.6%) dan 6 (7%) sangat tercemar. Pada tahun 1995, sejumlah 119 sungai diawasi dan 52 didapati bersih (43.7%), 53 sedikit tercemar (44.5%) dan 14 (11.8%) sangat tercemar.

Lima parameter digunakan untuk mengawasi kualiti air iaitu keperluan Oksigen Biokimia, keperluan Oksigen Kimia, Ammoniakal Nitrogen, Pepejal Terampai dan Tahap Hidrogen. Pembuangan sisa, aktiviti pertanian dan perindustrian, pembangunan kawasan tanah tinggi dan pembukaan tanah menjurus kepada peningkatan pencemaran air sungai.

Carta 10.15
Punca-Punca Pencemaran Udara




Sumber : Jabatan Alam Sekitar

Dua punca utama pencemaran udara ialah punca bergerak (kenderaan) dan punca tetap (stesyen janakuasa, pembakaran bahan api kilang dan domestik). Pada tahun 1995, punca-punca tersebut menyumbangkan 71.4% dan 23.3% masing-masing ke arah pencemaran udara. Pada tahun 1990, kadarnya ialah 74% dan 23%. Punca yang lain termasuk pembakaran dan pembuangan sisa pepejal.

Pencemaran atmosfera yang merentasi sempadan telah menyebabkan keadaan berjerebu yang agak serius pada tahun 1991, 1992, 1994 dan 1997. Kepantasan pertumbuhan industri dan perbandaran serta peningkatan permintaan terhadap pengangkutan di Malaysia telah menyumbang kepada pencemaran udara. Pelbagai langkah telah diambil untuk mengurangkan kemerosotan kualiti udara terutamanya dari segi penguatkuasaan undang-undang, penempatan semula pusat pentadbiran persekutuan, program pengangkutan yang mesra alam sekitar serta menggalakkan penggunaan petrol tanpa plumbum dan lain-lain.

Carta 10.16

Jenis Aduan Kes Pencemaran Yang Diterima Oleh Jabatan Alam Sekitar




Sumber : Jabatan Alam Sekitar

Bilangan aduan awam mengenai pencemaran yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar meningkat 3 kali ganda sepanjang tempoh 1991 sehingga 1995. Bilangan aduan terhadap pencemaran udara adalah tertinggi sekali iaitu 71% pada tahun 1991, 69% pada tahun 1993 dan 69.3% pada tahun 1995. Bagi pencemaran bunyi, bilangan aduan yang diterima menurun daripada 12.7% pada tahun 1991 kepada 6.5% pada tahun 1995. Meningkatnya kesedaran di kalangan rakyat dan penggunaan alat kawalan bunyi telah menyumbang kepada penurunan ini. Bagaimanapun, adalah diperhatikan bahawa aduan terhadap pencemaran air meningkat daripada 9.6% pada tahun 1991 kepada 11% pada tahun 1995.

Penyakit Sosial

Carta 10.17


Bilangan Kes Kesejahteraan Keluarga Yang Dilaporkan Mengikut Negeri



Sumber : Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

Carta 10.18

Pengendalian Kes Kesejahteraan Keluarga Oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Sehingga 25 April 1997



Sumber : Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat


Sepanjang tempoh 1990 sehingga 1996, bilangan kes kesejahteraan keluarga yang dilaporkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat telah meningkat sebanyak 10.9% iaitu daripada 350 kes pada tahun 1990 kepada 388 kes pada tahun 1996. Sebahagian besar kes kesejahteraan keluarga yang dilaporkan adalah berkaitan dengan perselisihan faham antara suami dan isteri. Pembangunan pesat, yang menyebabkan penghijrahan dari luar bandar ke bandar serta perubahan gaya hidup adalah penyumbang ke arah peningkatan masalah sosial tersebut.

Dari segi taburan kes bagi setiap negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Pulau Pinang merekodkan angka tertinggi dalam tempoh enam tahun tersebut iaitu kira-kira 500 kes bagi setiap negeri atau 48.1% daripada jumlah kes yang dilaporkan. Ini diikuti oleh Perak dengan 256 kes atau 12.4%, Terengganu 183 kes atau 8.8%, Selangor 173 kes atau 8.3% dan Johor 187 kes atau 9%. Bagaimanapun, di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah diperhatikan penurunan hampir 65% daripada jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 1996 berbanding tahun 1990.

Sejak pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 pada bulan Jun 1996, sejumlah 293 kes kesejahteraan keluarga telah dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kira-kira 37.9% daripada kes tersebut melibatkan kaum Melayu, 35.2% kaum India, 20.1% kaum Cina dan untuk lain-lain kaum 6.8%. Mangsa-mangsa tersebut sama ada diberi kaunseling (50.9%); diberi perlindungan sementara (19.5%); diberi perlindungan di tempat yang selamat (11.3%); memilih untuk hidup berasingan kerana didera oleh suami (8.5%); dirujuk ke mahkamah syariah (7.5%) atau dirujuk ke Biro Bantuan Guaman (2.3%). Sejak tahun 1991 lagi, pelbagai program pembangunan kekeluargaan telah dianjurkan oleh pihak kerajaan ke arah mewujudkan ikatan kekeluargaan yang kukuh.

Carta 10.19


Bilangan Kes Penderaan Kanak-kanak Yang Dilaporkan



Sumber : Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

Carta 10.20

Bilangan Kes Pembuangan Bayi Mengikut Negeri



Sumber : Polis DiRaja Malaysia

Bilangan kes penderaan kanak-kanak terus meningkat meskipun terdapat enakmen di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 dan pelancaran Pelan Tindakan Negara Untuk Kehidupan, Perlindungan dan Perkembangan Kanak-kanak pada tahun 1994. Pada tahun 1996, terdapat sejumlah 1009 kes penderaan kanak-kanak, iaitu peningkatan lebih 49% daripada tahun 1990. Dari segi taburan kes mengikut negeri, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan 27.6% dan 26.7% masing-masing daripada jumlah kes, diikuti oleh Johor 11.6%, Perak 9.3%, Pulau Pinang 6.6%, Melaka 5.7% dan Negeri Sembilan 5%.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam, pasukan perlindungan kanak-kanak telah ditubuhkan di 15 buah negeri dan di 86 daerah untuk menyediakan perkhidmatan kaunselling, kebajikan serta perlindungan yang lebih baik kepada kanak-kanak dan ibu bapa.


Kes pembuangan bayi yang semakin meningkat telah menjadi isu sosial di Malaysia. Dalam tempoh 1991 sehingga 1996, sejumlah 278 kes telah direkodkan. Peningkatan yang ketara iaitu 90% dikenalpasti khususnya sepanjang tempoh 1994, 1995 dan 1996.

Dari segi taburan kes mengikut negeri (data yang berada hanya bagi tempoh 1994 sehingga 1996), jumlah kes tertinggi dicatatkan di Selangor (21.6%), diikuti oleh Johor (20.9%), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (10.1%), Pulau Pinang (8.8%), Sabah (8.8%) dan Sarawak (6.8%).

Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991, merangkumi langkah-langkah untuk mengawal dan mencegah kes pembuangan bayi.

Carta 10.21

Bilangan Kes Perkosaan Yang Dilaporkan Mengikut Negeri



Kes perkosaan turut bertambah sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Pada tahun 1996, sejumlah 1,071 kes perkosaan dilaporkan, iaitu peningkatan lebih 77% berbanding tahun 1990 yang cuma mencatatkan 604 kes. Dari segi taburan kes bagi setiap negeri pula, Selangor mencatatkan jumlah tertinggi dalam jangka masa tersebut iaitu 15.2% diikuti oleh Johor 11.5%, Sabah 10.9%, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 9.2%, Perak 8.3%, Kedah 7.8%, Pulau Pinang 6% dan Pahang 5.8%.